

23/02/2001

Pemuda adakan pertemuan khas dengan PM

MELAKA, Khamis - Pemuda Umno akan mengadakan perhimpunan khas akhir bulan depan, bagi mendengar amanat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjelang persidangan peringkat bahagian.

Ini berikutan, 60 peratus kepemimpinan Pemuda Umno bahagian di seluruh negara adalah muka baru menjelang mesyuarat bahagian nanti kerana ramai pemimpin sekarang mencapai umur melebihi 40 tahun.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata perhimpunan khas itu untuk memastikan pertandingan pada peringkat bahagian berjalan lancar serta memantapkan parti.

"Ini akan memperjelaskan hala tuju perjuangan Pemuda dan presiden parti mungkin mengambil kesempatan menerangkan isu semasa," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda Umno di Graha Umno.

Mengenai cadangan pertemuan Umno dan Pas, Hishammuddin, berkata mesyuarat Pemuda hari ini memutuskan ketetapan bahawa usaha murni perpaduan Melayu harus diteruskan.

"Kita menyokong usaha ini walaupun ada golongan tertentu yang bersungguh-sungguh hendak mewujudkan segala bentuk tentangan, halangan dan ingin menggagalkan usaha murni ini, sama ada dalam atau luar Pas," katanya.

(END)